

**INPUT PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-14 TAHUN 2019**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
(KUALA KANGSAR)**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID (KUALA KANGSAR)** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha-usaha proaktif yang sedang dirangka oleh Kementerian demi merealisasikan "kebebasan media" seperti yang diucapkan oleh Menteri di Persidangan Global Kebebasan Media di London pada Julai lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah menyediakan platform dan akses kepada berita dan maklumat tanpa sekatan. Akses berkenaan menerusi 4 saluran TV termasuk Saluran Percubaan Berita, 33 saluran radio dan media dalam talian. RTM juga mempelbagaikan akses platformnya sama ada secara terestrial, satelit juga digital. Selain saluran sedia ada, RTM juga dalam perancangan untuk mewujudkan saluran-saluran baharu di platform digital MyFreeview yang berkonsep saluran khusus atau *niche channel* bagi memenuhi citarasa penonton yang lebih selektif.
  
2. Menerusi platform berkenaan, RTM sentiasa membuat hebahan dan menyebarkan maklumat yang menyeluruh mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan agar rakyat mendapat fakta yang tepat dan sahih. Dengan siaran berita setiap jam melalui Radio dan TV, serta akses kepada maklumat dalam

taliannya, rakyat tidak akan ketinggalan dalam sebarang maklumat jika mereka mengikuti siaran RTM.

3. Dalam menyebarkan maklumat, RTM juga senantiasa mengamalkan konsep liputan berimbang dan bertanggungjawab. Liputan RTM tidak mengambil kira fahaman politik sebaliknya mengutamakan faedahnya kepada rakyat dan negara. Ia selaras dengan ketetapan Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan RTM, yang menggariskan keutamaan nilai berita, memuatkan pandangan pro dan kontra semua pihak. Ia juga seiring dengan matlamat memberi kebebasan untuk penyiar berkarya dan berkreativiti, tetapi mematuhi etika dan memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

4. BERNAMA juga melalui saluran radio dan TV turut memberi ruang kepada semua pihak untuk mengutarakan pendapat masing-masing dalam program terbitan BERNAMA. Ini seajar dengan peranan BERNAMA bagi melaporkan berita secara benar, adil dan saksama di samping dapat mengekalkan keharmonian masyarakat majmuk.

5. Manakala, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah mengadakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pendidikan bagi memastikan tahap kewartawanan yang beretika dan profesional terus dibina. Ke arah itu, JaPen telah menjalin kerjasama strategik dengan Malaysian Press Institute (MPI) dan Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) bagi menjalankan kursus-kursus kewartawanan untuk media arus perdana dan juga media sosial.